

## **Prakata**

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد:

Buku ini mengandungi kumpulan artikel yang mengetengahkan sejarah dan perkembangan pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam. Antara artikel yang dikongsikan dalam buku ini ialah sumbangan institusi raja dalam pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam yang sememangnya begitu terserlah sejak kemasukan ugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Sorotan singkat ini membuktikan bahawa pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam mengalami perkembangan yang signifikan terutama pada zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Turut disentuh ialah sumbangan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, mantan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam pembangunan pendidikan ugama formal di Negara Brunei Darussalam. Beliau merupakan seorang tokoh ugama yang disegani dan dihormati di rantau ini yang banyak menabur jasa terhadap pembangunan ugama dan ummah di

Negara Brunei Darussalam khususnya dalam pembangunan pendidikan ugama formal.

Dalam menyoroti perkembangan institusi pengajian tinggi Islam (IPTI) di Negara Brunei Darussalam, kertas kerja ketiga akan menyusuri perkara ini dengan menumpukan perbincangan terhadap hala tuju dan harapan penubuhan IPTI di Negara Brunei Darussalam. Kemunculannya dengan membawa visi dan misi yang jelas serta harapan yang tinggi adalah semata-mata ingin menjadikan IPTI di Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pusat pengajian Islam tulen yang mampu membentuk generasi cemerlang dunia dan akhirat dan bertindak selaku benteng keharmonian dan kehidupan beragama serta menjadi pusat pembentukan jati diri bangsa yang menjadikan Islam sebagai tunggak dan asas pembentukan masyarakat dan negara yang membawa menjadi mercu tanda kegemilangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Kertas kerja keempat pula, mengetengahkan pendidikan tauhid yang merupakan salah satu perbahasan terpenting dalam perbincangan ilmu ketuhanan. Artikel ini akan membincarakan tentang kepentingan ilmu tauhid dalam pendidikan Islam dengan memfokuskan kajian tentang kedudukan dan perkembangannya di Negara Brunei Darussalam serta cabaran-cabaran pelaksanaannya pada masa kini berhadapan dengan dunia globalisasi.

Dalam kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi perhargaan dan terima kasih kepada Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA kerana sudi menerbitkan kumpulan

artikel ini dalam bentuk buku untuk tatapan masyarakat Islam di negara ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) atas sokongan tenaga dan buah fikiran bagi menjayakan penulisan dan penerbitan buku ini.

Akhir kalam, semoga buku ini dapat menambah koleksi karya-karya ilmiah dan menjadi rujukan para ilmuan dan pelajar serta bahan bacaan masyarakat umum dalam usaha memelihara dan memperkembangkan institusi pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam yang terbukti mampu menjamin keharmonian amalan berugama, bermasyarakat dan bernegara.

**Dr Haji Norarfani bin Haji Zainal  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam**

<b>Isi Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Prakata</b>	i
<b>Isi Kandungan</b>	iv
Sumbangan Institusi Raja Dalam Pendidikan Islam Di Negara Brunei Darussalam	1
Sumbangan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz Dalam Pembangunan Pendidikan Ugama Formal di Negara Brunei Darussalam	53
Perkembangan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Brunei Darusalam: Harapan dan Realiti	97
Pendidikan Tauhīd di Negara Brunei Darussalam: Harapan dan Cabaran	137

## JADUAL TRANSLITERASI

Arab	Latin	Arab	Latin
أ	'a	ض	ḍ
ب	B	ط	t
ت	T	ظ	z
ث	Th	ع	'a
ج	J	غ	Gh
ح	ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	ه	H
ش	Sh	و	W

<b>ɔ</b>	<b>ə</b>	<b>ø</b>	<b>Y</b>
<b>Vokal Panjang</b>		<b>Vokal Pendek</b>	
τ	Ā/ā	—	A
,	Ū/ū	—	I
ς	I/ī	~ —	U

# **SUMBANGAN INSTITUSI RAJA DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM\***

## **Abstrak**

Keprihatinan raja-raja Brunei terhadap perkembangan pendidikan Islam di negara ini begitu menyerlah sejak Brunei menerima agama Islam sebagai agama rasmi negara. Catatan sejarah menunjukan bahawa Sultan Sharif Ali (1425M-1432M) ketika memerintah negara telah membina sebuah masjid yang bukan sahaja dijadikan tempat ibadat malahan juga menjadi tempat penduduk Brunei menerima pendidikan Islam ketika itu. Dalam era pemerintahan Sultan Muhammad Hasan (1582M-1598M) pula, sekolah tempat pengajian ugama sudah tercatat ketika itu. Semangat ini *mendarah daging* dalam keturunan raja-raja Brunei hingga ke hari ini. Ini dapat dikesan dalam corak pemerintahan raja-raja Brunei berikutnya seperti Sultan Muhammad Jamalul Alam (1906M-1924M) dan Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950). Dasar ini diteruskan pada zaman pemerintahan Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien III (1950M-1967M) dan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (1967 hingga sekarang) dengan tertubuhnya sekolah-sekolah rendah ugama bersistem, sekolah-sekolah Arab, ITQSHHB dan institusi-institusi pengajian tinggi Islam seperti MPUSB, IPI BD, IPISHOAS (UBD), FPI (UBD), UNISSA, KUPU SB dan PPISOAS (UBD). Kertas kerja ini cuba menelusuri catatan sejarah mengenai peranan dan sumbangan kesultanan Brunei dalam mendukung dan mengembangkan pendidikan Islam di Brunei Darussalam.

---

\* Kertas Kerja ini dibentang dalam Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke 7 (KAIB VII) anjuran Universiti Teknologi MARA Sarawak dan Universiti Teknologi MARA Sabah, pada 10-11 September 2014 bertempat di Tawau, Sabah, Malaysia.

## **Pendahuluan:**

Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam mempunyai hubungan yang kuat dengan peranan yang dimainkan oleh institusi kesultanan Brunei. Sejarah mencatatkan bagaimana Brunei mempunyai ceritera dan sejarah perjuangan serta keagungan yang tersendiri dalam usaha memartabatkan agama Islam semua aspek termasuk pentadbiran dan undang-undang negara. Salah satu perkembangan penting yang sering diberikan keutamaan dalam pentadbiran negara oleh kesultanan Brunei sejak zaman berzaman ialah aspek pendidikan Islam yang merupakan teras kepada pembentukan umat Islam dan bangsa yang berilmu, beriman dan beramal.

Kedudukan pendidikan agama Islam yang begitu kukuh dengan sistemnya yang mantap di Brunei Darussalam ketika ini adalah berkat usaha raja-raja Brunei yang sejak turun temurun memelihara dan memartabatkan kedudukan agama Islam setinggi-tinginya di negara ini. Dasar ini terus dipertahankan malah diperkuatkan oleh al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddien dan Anakanda Baginda, Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang memerintah Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1967 hingga ke hari ini.

Prasarana dan infrastruktur pendidikan umum dan agama yang disediakan oleh pihak kerajaan melebihi kepentingan-kepentingan lain bukti jelas bahawa kerajaan di bawah pimpinan Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah sangat komited dalam memastikan rakyatnya menerima ilmu pengetahuan secukupnya. Ini kerana Kerajaan Baginda melihat sektor pendidikan merupakan pelaburan penting kerajaan untuk melahirkan sumber-sumber tenaga yang berkualiti sejajar dengan Wawasan Negara 2035.

## **Sejarah Pendidikan Islam di Brunei Darussalam**

Sebagaimana kedatangan awal agama Islam ke Negara Brunei Darussalam tidak diketahui secara tepat, demikianlah juga dengan kedudukan awal pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam. Namun dari segi teori, perkembangannya bermula seusia dengan kedatangan agama Islam di negara ini. Agama Islam yang menekankan kewajiban ke atas penganutnya menyampaikan dakwah Islamiah kepada orang lain, sudah tentu mendorong umatnya sama ada secara individu maupun berkelompok mengabdikan diri mereka untuk mengajarkan ilmu-ilmu Allah dan menyampaikannya kepada orang lain. Proses ini juga berlaku secara *tabi'e*, seseorang yang mempunyai pengetahuan terhadap sesuatu, pada kebiasaannya akan menguar-uarkannya pula kepada orang lain. Demikianlah juga proses perkembangan agama Islam di Brunei Darussalam yang mana sejak bermulanya dakwah Islamiah mendapat tempat di hati sanubari masyarakat Brunei, sudah tentu mewujudkan proses pengajaran atau pembelajaran ajaran agama Islam walaupun ianya tidak dilaksanakan secara bersistem atau formal sebagaimana yang berlangsung pada zaman ini.

Sungguhpun demikian, berdasarkan cacatan sejarah, pendidikan Islam dipercayai telah dilakukan oleh para mubaligh luar yang datang ke Brunei khususnya dari Negara Arab. Kedatangan mereka telah membuka ruang agama Islam berkembang dengan pesatnya di Negara Brunei Darussalam. Di antara pendakwah Arab yang berjasa mengembangkan agama Islam di Negara Brunei Darussalam ini ialah Sharif Ali yang dikatakan berketurunan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* melalui cucunda Baginda Saidina Hasan. Sharif Ali yang kemudiannya berkahwin dengan Puteri Sultan Ahmad (Sultan Brunei yang ke 2) telah diangkat menjadi Sultan

Brunei ketiga apabila Sultan Brunei kedua ini tidak mempunyai putera untuk menggantikan Baginda.

Pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali, Baginda bukan sahaja mendirikan masjid<sup>1</sup> di Brunei tetapi juga telah membentuk satu sistem pentadbiran masjid yang terdiri daripada khatib, mudim dan imam. Masyarakat Islam Brunei pada ketika itu telah menerima proses pembelajaran berhubung perkara asas agama melalui institusi masjid. Dengan kata lain, masjid selain berperanan untuk beribadat kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*, ianya juga menjadi pusat penyebaran ilmu dan pengajaran ilmu-ilmu agama di Brunei Darussalam khususnya dalam perkara asas-asas akidah dan juga farḍu 'ain.<sup>2</sup>

Menurut catatan sejarah lagi, selain Sharif Ali, Brunei juga menerima kehadiran ulama-ulama dari timur tengah pada akhir kurun ke 13 dan 14, seperti Syarif Musaqqih (datang ke Brunei pada tahun 1375 M), Sulaiman bin Abdul Rahman bin Abdullah Nurullah (1418M), Sheikh Adam (W.1499M) dan Syarif Hud (W.1499)<sup>3</sup>. Kehadiran ulama-ulama di atas telah merancakkan lagi perkembangan pendidikan ugama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan (1582M-1598M), agama Islam terus berkembang maju.

---

<sup>1</sup> Pada zaman pemerintahan Baginda dicatatkan sebuah masjid didirikan. Masjid tersebut mempunyai atap tujuh tingkat yang dipercayai terletak di kawasan Kota Batu. Sila lihat: H.R. Huges-Hallet, M.C.S: *A Sketch of The History, The Brunei Muzium Journal*, Vol. 5, No. 1, 1981. P. 4.

<sup>2</sup> Saadiah Tamit dan Mohd Rafee Shahif. *Islam di Zaman Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III: Ke Arah Pemantapannya*. Dalam buku Prosiding Seminar Kesultanan Melayu Brunei: Kesultanan Melayu Islam Teras Pembinaan Bangsa. Brunei: Akademi Pengajian Brunei, UBD. 2008. Hlm. 369.

<sup>3</sup> *Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam*. Terbitan Khas. Bil. 23. Muzium Brunei. 1992. Hlm. 1-9.

Riwayat Sepanyol menyebutkan bahawa dalam zaman pemerintahan Baginda mubaligh-mubaligh Islam dari Brunei telah giat menjalankan dakwah Islamiah di Suluk, Cuyo, Keramian dan Mindanao. Pendakwah dari Brunei dilaporkan telah bersama-sama penduduk Islam di Mindanao membina Masjid dan sekolah agama tempat mereka mengaji Al-Qur'an.<sup>4</sup> Ini bermakna, pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan, sekolah tempat pengajian agama sudah pun wujud ketika itu di Brunei sehingga membinanya pula di tempat jajahan takluk Brunei.

Pendidikan Islam semakin berkembang di Brunei di bawah pemerintahan kesultanan Brunei seterusnya. Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1906M-1924M) umpamanya sering menekankan pengajaran dan pembelajaran agama Islam dijalankan di surau-surau dan masjid-masjid. Sebagai tanda komitmen Baginda terhadap agama Islam, Baginda telah membina masjid walaupun negara ketika itu mengalami kekurangan hasil negara. Masjid ini dibina di atas sebidang tanah berhampiran Kampung Sultan Lama. Masyarakat tempatan menggunakan masjid ini sehingga ia musnah akibat pengeboman ketika perang dunia kedua meletus pada zaman pemerintahan anaknya, Sultan Ahmad Tajuddin.

---

<sup>4</sup> Perkara ini disebutkan oleh Paderi Domingo de Salazar pada 27 Jun 1588:

*"...di kepulauan Mindanao,...undang-undang Islam telah diisyiharkan secara terbuka yang diagakkan sudah lebih tiga tahun oleh ulama-ulama dari Brunei dan Ternate yang datang ke sana-bahkan di antaranya datang dari Makkah telah membina masjid-masjid dan budak-budak lelaki dikhatarkan dan di sana ada sebuah sekolah tempat mengajar Al-Quran".*

Sila lihat: Blair & Robertson (ed.), *The Philippine Islands*. Vol. VII. Hlm. 48, 49 dan 69. Haji Awang Abdul Aziz bin Awang Juned. *Islam Di Brunei Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusslaam*. Jilid 1. Brunei: Jabatan Pusat Sejarah. 1996. Hlm.XLIX.

Secara umumnya, aktiviti pendidikan Islam sebelum kurun ke-20 Masihi berpusat di masjid-masjid, balai-balai ibadat (surau), rumah-rumah persendirian, pondok-pondok (atau “balai” menurut istilah penduduk Brunei) dan juga istana. Tidak ada cacatan Brunei ketika itu mempunyai sekolah pengajian agama bersistem melainkan pada zaman Sultan Muhammad Hasan yang memerintah pada tahun 1582M hingga 1598M. Tenaga pengajarnya pula terdiri daripada para mubaligh dari luar negeri, yang kemudiannya diteruskan oleh anak-anak murid mubaligh dari kalangan orang tempatan yang terdiri dari imam-imam, pembesar-pembesar negara dan juga orang-orang alim setempat. Selain daripada itu, ramai juga orang-orang tempatan yang mempelajari pengetahuan ajaran agama Islam di negeri-negeri jiran seperti Sabah, Sarawak, Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Filipina dan Indonesia, malahan terdapat juga orang-orang tempatan bermastautin di Mekah. Mereka ini apabila kembali ke Brunei Darussalam telah menjadi tenaga penggerak dalam menyebarkan pengetahuan Agama Islam kepada penduduk setempat.<sup>5</sup> Adapun kurikulumnya meliputi persoalan aqidah dan perkara-perkara ibadat serta membaca al-Qur'an sahaja.

Pada kurun ke-18 dan 19, balai-balai (pondok-pondok) persendirian yang didirikan oleh ulama-ulama tempatan telah memainkan peranan penting dalam memantapkan pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam. Sebagai sebuah pusat pengajian, balai mempunyai dua peranan utama iaitu menawarkan pengajian umum seperti Zikir Brunei, Ratib Saman, mengaji al-Qur'an dan hadrah, dan juga pengajian agama seperti ilmu fiqh (*farāid* dan *munākahāt*), *nahu* dan

---

<sup>5</sup> *Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam*. Hlm. IX.

*saraf* serta tasawwuf dan akhlak.<sup>6</sup> Balai ini pada kebiasaanya melahirkan ulama-ulama tempatan yang kemudiannya menjadi kadi, juru nikah dan guru.<sup>7</sup>

Tidak dinafikan bahawa sejak sistem pendidikan balai ini diperkenalkan ianya telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada negara dengan kelahiran tokoh-tokoh ugama ketika itu sekaligus dapat memacu dan memajukan lagi perkembangan pendidikan Islam di Brunei Darussalam. Sistem pendidikan balai ini mengalami kemerosotan apabila sistem pendidikan ugama secara formal pada tahun 1956 mula diperkenalkan.<sup>8</sup>

Sebelum itu, pada tahun 1930, iaitu setelah kira-kira 16 tahun Kerajaan Brunei memperkenalkan Sistem Pendidikan Persekolahan secara bersistem, pelajaran ugama Islam mula diajarkan sebagai mata pelajaran sampingan di salah sebuah sekolah melayu di Jalan Pemancha Daerah Brunei atas inisiatif dua orang wazir dan seorang cheteria<sup>9</sup>. Kendatipun demikian, berbanding mata pelajaran konvensional, mata pelajaran ugama tidak dimuatkan dalam jadual harian

---

<sup>6</sup> Yahya Ibrahim. Sejarah Pendidikan Ugama. Dalam buku *Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Pengajian Islam. 1996. Hlm. 44-46.

<sup>7</sup> *Ibid.* Hlm. 46.

<sup>8</sup> Haji Awang Asbol bin Haji Mail. *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. 2006. Hlm. 18-19.

<sup>9</sup> Mereka ialah:

1. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman ibni Al-Marhum Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin
2. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Anak Haji Mohd Yassin ibni al-Marhum Pengiran Omar Ali
3. Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Anak Hashim ibni Al-Marhum Pengiran Shahbandar Bahar.

pelajaran sekolah. Ia hanya diajarkan pada setiap hari Juma‘at selepas sembahyang fardhu Juma‘at. Tenaga pengajarnya pula terdiri daripada pegawai-pegawai masjid dan orang-orang alim dengan bayaran elaun sebanyak \$5.00 sebulan oleh ketiga-tiga pembesar tersebut.<sup>10</sup>

Pada tahun 1936, pelajaran ugama mula diselitkan dalam jadual waktu pengajaran harian sekolah sebagai subjek tambahan di sekolah-sekolah Melayu yang ditubuhkan sejak tahun 1914 dan hanya diajarkan pada sebelah petang sebanyak dua kali seminggu<sup>11</sup> dengan bilangan murid yang terbatas. Mata pelajaran ugama dinamakan pelajaran Shari‘ah dan terbatas kepada pelajaran ‘ibadat (sembahyang) dan tauhid (rukun Iman dan rukun Islam)<sup>12</sup>.

Pendidikan ugama semakin berkembang pada tahun 1940 apabila pengajiannya mula diluaskan di beberapa buah sekolah di luar bandar seperti Sekolah Melayu Kuala Belait, Sekolah Melayu Seria dan Sekolah Melayu Bukit Bendera Tutong. Sukatan mata pelajarannya pula mula dikemaskinikan dengan penubuhan satu jawatankuasa khas bagi meneliti perkara ini.

Pada tahun 1946, pelajaran ugama mula menjadi salah satu mata pelajaran asas yang diajarkan di sekolah-sekolah Melayu ketika itu.<sup>13</sup> Ianya berterusan sehingga pada tahun 1956 dengan tertubuhnya Sekolah Rendah Ugama. Bagaimanapun,

---

<sup>10</sup> Asbol Mail. *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950-1985* Hlm. 20.

<sup>11</sup> Metassim bin Haji Jibah. *Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei dalam Pentadbiran Sistem Residen 1906-1959*. BMJ., Vol. V, No. 3, 1983. p.p. 1-6.

<sup>12</sup> Haji Abd Hamid bin Md Daud. *Sejarah Persekolahan Ugama Bersistem di Brunei 1956-1980-an*. Brunei: Bahagian Pelajaran Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama. 1985. Hlm. 2.

<sup>13</sup> Yahya Ibrahim. *Op-cit.* 1996. Hlm. 50-51.

pada 1 Julai 1965 iaitu selepas sembilan tahun pelaksanaan sistem persekolahan ugama secara berasingan, mata pelajaran ugama telah dimasukkan semula ke dalam kurikulum sekolah-sekolah kebangsaan dengan menjadikan Sekolah Melayu SMJA sebagai sekolah rintis.<sup>14</sup>

### **Pendidikan Islam dalam Era Pemerintahan Sultan Omar ‘Ali Saifuddien III (1950-1967)**

Perkembangan pendidikan agama semakin rancak berkembang pada zaman pemerintahan Sultan Omar ‘Ali Saifuddien III yang mula menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1950. Sewaktu pemerintahan Baginda, Negara Brunei Darussalam mengalami banyak perubahan dan reformasi dalam pelbagai bidang termasuk perkembangan ugama Islam. Kerajaan Baginda telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada tahun 1954 disusuli dengan penubuhan Majlis Ugama Islam pada 1955. Peristiwa yang paling bermakna dalam sejarah perkembangan agama Islam di Negara Brunei Darussalam ialah apabila ugama Islam termaktub sebagai ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam menerusi *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*.<sup>15</sup> Dalam aspek pendidikan ugama pula, Baginda telah mengasaskan sekolah rendah ugama bersistem pada tahun 1956 dan sekolah-sekolah Arab pada tahun 1966. Secara umumnya, sumbangan Baginda boleh dikesan melalui aspek berikut:

---

<sup>14</sup> *Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam*. Hlm. 144.

<sup>15</sup> *Perkembangan Islam di Brunei Satu Catatan Ringkas Bergambar*. Kementerian Hal Ehwal Ugama. 2001. Hlm. 2.

## 1. Sekolah Ugama Bersistem

Sekolah ugama bersistem yang wujud sehingga ke hari ini adalah atas inisiatif al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien sehingga boleh dikatakan bahawa Baginda merupakan pengasas penubuhan Sekolah Rendah Ugama. Usaha Baginda bermula pada tahun 1954 apabila Baginda berkenan mendatangkan dua orang pegawai ugama dari Negeri Johor bagi membuat penyelidikan dan laporan tentang kedudukan pelajaran ugama di Negara Brunei Darussalam. Pegawai-pegawai tersebut ialah Haji Othman bin Muhammad Saad dan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.<sup>16</sup>

Hasil kajian yang dijalankan oleh kedua-dua pegawai berkenaan mendapati pengajaran ugama di sekolah-sekolah Melayu kurang berkesan sehingga kebanyakan murid yang disoal selidik tidak faham tentang rukun Islam. Keadaan ini, menurut laporan pegawai-pegawai ugama berkenaan adalah disebabkan faktor masa pembelajaran yang tidak mencukupi serta kelemahan guru yang bukan keluaran dari sekolah ugama. Laporan itu kemudiannya mencadangkan agar sekolah ugama diwujudkan pada sebelah petang tanpa mencampur adukkan pengajian umum yang diajarkan di sekolah-sekolah Melayu pada sebelah pagi bagi memastikan setiap murid menerima didikan agama yang secukupnya dan teratur.<sup>17</sup>

Laporan ini telah menyedarkan Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien tentang kelemahan kedudukan pelajaran ugama Islam ketika itu yang kemudiannya mendorong Baginda mengambil langkah-langkah positif ke arah memperbaiki keadaan tersebut. Justeru, Baginda memperkenankan

---

<sup>16</sup> *Pendidikan Ugama Di Negara Brunei Darussalam*. Hlm. 121.

<sup>17</sup> *Ibid.* Hlm. 121-122. Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud. *Perkembangan Persekolahan Agama Di Negara Brunei Darussalam Dari Tahun 1956 – 1984 Masihi*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004. Hlm. 1-5.